

## **D.R. 40/2010**

# **RANG UNDANG-UNDANG PERBADANAN PENGURUSAN LIKUIDITI ISLAM ANTARABANGSA 2010**

---

### **SUSUNAN FASAL**

---

#### Fasal

1. Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Perbadanan hendaklah menjadi organisasi antarabangsa
4. Keperibadian juridikal, meterai perbadanan dan kuasa Perbadanan
5. Pemberikuasaan untuk menjadi anggota Perbadanan dan menandatangani Perkara Perjanjian
6. Kuasa Menteri untuk memberikan taraf organisasi antarabangsa dan keperibadian juridikal kepada suatu subsidiari
7. Kuasa Menteri untuk memberikan keistimewaan dan kekebalan
8. Tiada kekebalan dalam hal keadaan tertentu
9. Kebenaran memegang tanah di Persekutuan
10. Penepian
  - JADUAL 1
  - JADUAL 2
  - JADUAL 3
  - JADUAL 4
  - JADUAL 5
  - JADUAL 6



## RANG UNDANG-UNDANG

### *b e r n a m a*

Suatu Akta untuk membolehkan Bank Negara Malaysia menjadi anggota Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa, untuk memberi kuat kuasa kepada perjanjian yang menubuhkan Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa, untuk memberikan kuasa, keistimewaan dan kekebalan tertentu kepada Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa dan subsidiarinya dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

#### **Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa 2010.

(2) Akta ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 25 Oktober 2010.

#### **Tafsiran**

2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Akta ini” termasuklah mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini;

“amanah atau dana Perbadanan” ertinya suatu amanah atau dana yang ditubuhkan oleh Perbadanan untuk memenuhi objektifnya atau untuk melaksanakan mana-mana fungsinya di bawah Perkara Perjanjian;

“Aset Terkumpul” ertinya aset patuh Shariah yang disumbangkan oleh pemberi aset kepada Perbadanan;

“Bank” ertinya Bank Negara Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Bank Negara Malaysia 2009 [*Akta 701*];

“kepentingan negara” termasuklah kepentingan keselamatan, ekonomi, sosial dan politik yang memberi manfaat atau mustahak kepada Malaysia;

“ketua pegawai eksekutif” ertinya seseorang walau apa jua nama disebut yang bertanggungjawab bagi pengendalian perniagaan dan pentadbiran Perbadanan;

“Lembaga Pengelola” ertinya Lembaga Pengelola Perbadanan;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa;

“Perhimpunan Agung” ertinya Perhimpunan Agung Perbadanan;

“Perkara Perjanjian” ertinya perjanjian bagi penubuhan Perbadanan dan termasuklah apa-apa pindaan, tambahan, ubah suaian atau perubahan yang dibuat dari semasa ke semasa;

“sekuriti Islam” ertinya apa-apa sekuriti yang diterbitkan oleh Perbadanan, suatu subsidiari, suatu syarikat tujuan khas atau suatu amanah atau dana Perbadanan menurut skim pembiayaan mengikut prinsip Shariah yang diluluskan oleh Jawatankuasa Shariah Perbadanan;

“syarikat tujuan khas” ertinya suatu syarikat yang ditubuhkan semata-mata bagi penerbitan sekuriti Islam, oleh Perbadanan atau suatu subsidiari;

“subsidiari” ertinya suatu subsidiari yang ditubuhkan oleh Perbadanan untuk memenuhi objektifnya atau untuk menjalankan mana-mana fungsinya di bawah Perkara Perjanjian.

**Perbadanan hendaklah menjadi organisasi antarabangsa**

3. Perbadanan diberikan taraf organisasi antarabangsa bagi maksud Akta ini dan hendaklah ditadbir mengikut peruntukan Perkara Perjanjian.

**Keperibadian juridikal, meterai perbadanan dan kuasa Perbadanan**

4. (1) Perbadanan mempunyai keperibadian juridikal dan kekal turun-temurun dan tertakluk kepada Akta ini, mempunyai semua keupayaan di sisi undang-undang yang perlu bagi penjalanan kuasanya dan pelaksanaan fungsinya mengikut Perkara Perjanjian.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Perbadanan mempunyai kuasa untuk—

- (a) membuat kontrak;
- (b) memperoleh, memegang dan melupuskan harta ketara dan harta tak ketara; dan
- (c) memulakan prosiding undang-undang.

(3) Perbadanan boleh mengadakan suatu meterai perbadanan dan boleh menggunakannya bagi maksud yang dinyatakan di bawah seksyen ini atau bagi perkara lain sebagaimana yang dipersetujui oleh Lembaga Pengelola.

**Pemberikuasaan untuk menjadi anggota Perbadanan dan menandatangani Perkara Perjanjian**

5. (1) Bank diberi kuasa untuk menjadi anggota Perbadanan dan untuk menandatangani Perkara Perjanjian dan menjalankan hak atau melaksanakan kewajipan atau fungsi berkenaan dengan keanggotaannya tertakluk kepada peruntukan Akta Bank Negara Malaysia 2009.

(2) Menurut subseksyen (1), Bank boleh—

- (a) bekerjasama dalam apa-apa perkiraan, skim, program atau inisiatif dengan Perbadanan dan menggunakan sebaik-baik ikhtiarnya untuk mencapai objektif yang sama dengan Perbadanan bagi memajukan kewangan Islam; dan

(b) menerima apa-apa bayaran yang dibuat kepadanya oleh Perbadanan.

(3) Bank boleh, bagi maksud Malaysia sebagai negara tuan rumah kepada Perbadanan—

(a) memberi, menderma, meminjamkan atau mendahulukan apa-apa jumlah wang kepada Perbadanan mengikut prinsip Shariah bagi penubuhan dan kewujudan berterusan Perbadanan, tertakluk kepada kelulusan bertulis Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan terlebih dahulu; atau

(b) membenarkan Perbadanan untuk menghuni dan menggunakan, sama ada melalui pajakan atau selainnya, harta tak alih Bank atau mendapatkan pajakan mana-mana harta lain bagi maksud Perbadanan, pegawainya termasuk ketua pegawai eksekutif atau mana-mana anggota jawatankuasa Perbadanan.

### **Kuasa Menteri untuk memberikan taraf organisasi antarabangsa dan keperibadian juridikal kepada suatu subsidiari**

6. (1) Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal luar negeri boleh memberikan taraf organisasi antarabangsa dan keperibadian juridikal kepada suatu subsidiari bagi maksud Akta ini melalui peraturan-peraturan tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu.

(2) Subseksyen (1) tidak terpakai bagi suatu subsidiari yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang bertulis di Malaysia.

### **Kuasa Menteri untuk memberikan keistimewaan dan kekebalan**

7. (1) Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal luar negeri boleh melalui peraturan-peraturan, tertakluk kepada syarat yang ditetapkan dalam peraturan-peraturan itu, memberi—

(a) Perbadanan atau suatu subsidiari yang diberikan taraf organisasi antarabangsa di bawah subseksyen 6(1), kesemua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Jadual 1;

(b) seseorang—

- (i) yang menjadi, atau sedang melaksanakan kewajipan, ketua pegawai eksekutif Perbadanan, kesemua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 2; dan
- (ii) yang tidak lagi menjadi, atau terhenti untuk melaksanakan kewajipan, ketua pegawai eksekutif Perbadanan, kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual 2;

(c) seseorang—

- (i) yang menjadi wakil kepada anggota Lembaga Pengelola dan sedang melaksanakan kewajibannya menurut Perkara Perjanjian, kesemua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 3;
- (ii) yang ditauliahkan kepada, atau yang hadir di sesuatu persidangan antarabangsa atau mesyuarat yang diadakan oleh, Perbadanan sebagai wakil kepada anggota Perhimpunan Agung, kesemua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian 1 Jadual 3; dan
- (iii) yang terhenti menjadi wakil kepada anggota Lembaga Pengelola, atau pernah ditauliahkan kepada, atau pernah menghadiri persidangan atau mesyuarat yang diadakan oleh, Perbadanan sebagai wakil kepada anggota Perhimpunan Agung, kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual 3;

(d) seseorang—

- (i) yang sedang berkhidmat dalam jawatankuasa Perbadanan, kesemua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 4; dan
- (ii) yang tidak lagi, atau terhenti berkhidmat dalam jawatankuasa Perbadanan, kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual 4;

(e) seseorang—

- (i) yang menjadi pegawai Perbadanan, kesemua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 5; dan
- (ii) yang tidak lagi menjadi, atau terhenti untuk menjalankan kewajipan, seorang pegawai Perbadanan, kekebalan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual 5;

(f) suatu subsidiari, suatu syarikat tujuan khas, suatu amanah atau dana Perbadanan, atau mana-mana orang lain berhubung dengan sekuriti Islam yang diterbitkan atau dijaminan oleh Perbadanan, suatu subsidiari, suatu syarikat tujuan khas atau suatu amanah atau dana Perbadanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, kesemua atau mana-mana keistimewaan yang dinyatakan dalam Bahagian I Jadual 6; dan

(g) seseorang yang menjadi pegawai suatu subsidiari, suatu syarikat tujuan khas atau suatu amanah atau dana Perbadanan, kesemua atau mana-mana keistimewaan yang dinyatakan dalam Bahagian II Jadual 6.

(2) Seseorang yang diberikan keistimewaan dan kekebalan di bawah subperenggan (1)(c)(i) dan (ii) menikmati keistimewaan dan kekebalan yang sama semasa dalam perjalanan ke sesuatu tempat bagi tujuan melaksanakan kewajipannya sebagai seorang wakil kepada anggota Lembaga Pengelola atau menghadiri persidangan atau mesyuarat dan semasa dalam perjalanan pulang dari sesuatu tempat selepas melaksanakan kewajipannya atau menghadiri persidangan atau mesyuarat.

(3) Seseorang yang diberikan keistimewaan dan kekebalan di bawah subperenggan (1)(d)(i) menikmati keistimewaan dan kekebalan yang sama semasa dalam perjalanan ke sesuatu tempat bagi tujuan berkhidmat dalam jawatankuasa dan semasa dalam perjalanan pulang selepas berkhidmat dalam jawatankuasa.

(4) Keistimewaan dan kekebalan yang diberikan di bawah subperenggan (1)(c)(i) dan (ii) dan subperenggan (1)(d)(i) terpakai bagi—

(a) seorang wakil silih ganti atau pemangku, atau pengganti, seseorang wakil kepada anggota Lembaga Pengelola; dan

(b) seseorang penasihat kepada seseorang, yang ditauliahkan kepada atau yang hadir persidangan antarabangsa atau mesyuarat yang diadakan oleh Perbadanan, sebagai wakil kepada anggota Perhimpunan Agung.

(5) Seseorang warganegara Malaysia tidak berhak kepada mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang diberikan di bawah Akta ini, kecuali kekebalan daripada guaman dan proses undang-undang berkenaan dengan perbuatan dan perkara yang dilakukan atas sifat rasminya bagi maksud Perbadanan.

(6) Mana-mana keistimewaan dan kekebalan berkenaan dengan perkara yang berhubungan dengan kewangan hendaklah diberikan hanya dengan persetujuan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan.

(7) Bagi maksud perenggan (1)(e) dan (g), seorang “pegawai” ertinya seorang pegawai yang bekerja sepenuh masa dengan Perbadanan atau suatu subsidiari, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau yang pangkatnya hendaklah sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal luar negeri melalui peraturan-peraturan.

### **Tiada kekebalan dalam hal keadaan tertentu**

**8.** Apa-apa kekebalan yang diberikan di bawah Akta ini tidak terpakai berkenaan dengan—

(a) suatu tindakan sivil yang berbangkit daripada suatu transaksi komersial;

(b) suatu tindakan sivil oleh pihak ketiga untuk mendapatkan ganti rugi yang berbangkit daripada suatu kemalangan yang disebabkan oleh kenderaan motor atau cara pengangkutan yang lain;

(c) suatu kesalahan jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis; atau

(d) apa-apa perkara yang menjejaskan kepentingan Malaysia.

**Kebenaran memegang tanah di Persekutuan**

**9.** (1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang yang berlawanan, Perbadanan boleh memiliki atau memegang atau diberikan, diberi hakmilik, dipajakkan atau dipindahkan hakmilik kepada, mana-mana tanah atau apa-apa kepentingan mengenai mana-mana tanah di mana-mana bahagian Persekutuan, bagi maksud Perbadanan atau kediaman atau pejabat ketua pegawai eksekutif atau pegawai Perbadanan.

(2) Tanah atau kepentingan yang disebut dalam subseksyen (1) boleh dipegang oleh Perbadanan atas namanya atau bagi pihaknya oleh mana-mana orang yang dinamakan bagi maksud subseksyen ini sama ada secara am atau dalam hal tertentu secara bertulis yang dialamatkan kepada Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal luar negeri oleh atau bagi pihak Perbadanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan Perbadanan atau orang, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah didaftarkan dengan sewajarnya sebagai tuan punya, penerima pajak atau selainnya, mengikut kehendak keadaan, dalam apa-apa daftar yang disimpan di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara.

(3) Bagi maksud apa-apa urusan mengenai apa-apa tanah atau kepentingan dalam apa-apa tanah yang terletak hak atas nama Perbadanan, mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud subseksyen ini sama ada secara amnya atau dalam hal tertentu secara bertulis yang dialamatkan kepada Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi hal ehwal luar negeri oleh atau bagi pihak Perbadanan boleh, oleh sebab pemberikuasaan itu, menyempurnakan semua atau apa-apa surat cara dan melakukan apa-apa perbuatan atau perkara bagi memberikan kuat kuasa kepada apa-apa urusan mengenai tanah sedemikian bagi pihak Perbadanan mengikut cara yang sama dan setakat yang serupa seolah-olah orang itu telah diberi kuasa untuk berbuat sedemikian melalui suatu surat kuasa wakil yang sah yang dihantar serah dengan sewajarnya di bawah peruntukan Kanun Tanah Negara.

**Penepian**

**10.** (1) Perbadanan boleh mengetepikan mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang diberikan kepada mana-mana orang di bawah Akta ini.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), Perbadanan hendaklah mempunyai tanggungjawab untuk mengetepikan mana-mana keistimewaan dan kekebalan yang diberikan di bawah Akta ini dalam hal jika keistimewaan dan kekebalan yang diberikan boleh menghalang pentadbiran keadilan.

JADUAL 1

[Perenggan 7(1)(a)]

KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN PERBADANAN ATAU SUATU SUBSIDIARI

1. Kekebalan daripada guaman dan daripada proses undang-undang yang lain berkenaan dengan perbuatan dan perkara yang dilakukan atas sifat rasminya.
2. Ketidakbolehcabulan harta dan suatu aset kepunyaan, atau dalam jagaan, atau yang ditadbirkan, oleh Perbadanan atau suatu subsidiari, mengikut mana-mana yang berkenaan, (tidak termasuk apa-apa harta atau aset dalam Aset Terkumpul) dan premis kepunyaan, atau yang dihuni oleh, Perbadanan atau suatu subsidiari, mengikut mana-mana yang berkenaan.
3. Ketidakbolehcabulan dokumen.
4. Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kawalan pertukaran mata wang, pengecualian daripada sekatan mata wang dan pertukaran.
5. Tertakluk kepada pematuhan apa-apa syarat sebagaimana ditetapkan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kewangan bagi perlindungan hasil, pengecualian daripada semua duti dan cukai, termasuk cukai perolehan modal atas—
  - (a) barang yang diimport atau dieksport oleh Perbadanan atau suatu subsidiari, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi kegunaan rasminya;
  - (b) barang buatan tempatan yang diperolehi oleh Perbadanan atau suatu subsidiari, mengikut mana-mana yang berkenaan, bagi kegunaan rasminya;
  - (c) penerbitan rasmi Perbadanan atau suatu subsidiari, yang diimport atau dieksport olehnya mengikut mana-mana yang berkenaan;
  - (d) pendapatan yang terbit atau yang diagihkan daripada penerbitan sekuriti Islam oleh Perbadanan atau suatu subsidiari, mengikut mana-mana yang berkenaan;
  - (e) mana-mana kupon atau diskaun sama ada dalam bentuk kadar keuntungan, perolehan, bayaran sewa atau apa jua nama yang dipanggil, yang diagihkan, dibayar atau dikreditkan kepada mana-mana orang berkenaan dengan mana-mana sekuriti Islam yang diterbitkan oleh Perbadanan atau suatu subsidiari, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan
  - (f) modal keuntungan, rizab atau pendapatan, sama ada diagihkan atau tidak, yang diisytiharkan oleh Perbadanan atau suatu subsidiari, mengikut mana-mana yang berkenaan.

6. Pengecualian daripada cukai pendapatan, cukai perolehan harta tanah dan duti setem yang lazimnya kena dibayar oleh Perbadanan atau suatu subsidiari, mengikut mana-mana yang berkenaan.
7. Pengecualian daripada semua cukai ke atas semua urusan niaga berhubungan dengan penjualan, pembelian, pindah hakmilik atau penyusunan atau pemerolehan lain harta alih atau harta tak alih yang dikehendaki menurut skim pembiayaan yang diluluskan oleh Lembaga Shariah Perbadanan mengikut prinsip Shariah bagi maksud penerbitan sekuriti Islam oleh Perbadanan atau suatu subsidiari, mengikut mana-mana yang berkenaan.
8. Ketiadaan penapisan bagi komunikasi rasmi.

#### JADUAL 2

[Seksyen 7(1)(b)]

#### BAHAGIAN I

##### KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PERBADANAN

1. Kekebalan daripada guaman dan daripada proses undang-undang yang lain berkenaan dengan perbuatan dan perkara yang dilakukan atas sifat rasminya.
2. Pengecualian daripada cukai pendapatan atas gaji, emolumen, fi dan bonus rasmi.
3. Pengecualian daripada (termasuk pengecualian suami atau isteri dan anak-anak di bawah umur dua puluh satu tahun) pemakaian undang-undang berhubungan dengan imigresen dan pendaftaran orang asing.
4. Pengecualian daripada obligasi untuk melaksanakan perkhidmatan negara.
5. Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan kawalan pertukaran mata wang, pengecualian daripada sekatan mata wang dan pertukaran.
6. Kemudahan repatriasi (termasuk kemudahan repatriasi bagi suami atau isteri dan mana-mana saudara tanggungan) semasa berlaku krisis antarabangsa.
7. Hak untuk mengimport perabot dan barang-barang peribadi, termasuk satu kenderaan motor, tanpa dikenakan duti dan cukai semasa mula-mula menjawat sesuatu jawatan di Malaysia dan untuk mengeksport perabot dan barang-barang peribadi tanpa dikenakan duti dan cukai semasa meninggalkan Malaysia apabila tamat fungsinya.

#### BAHAGIAN II

##### KEKEBALAN BEKAS KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PERBADANAN

Kekebalan daripada guaman dan daripada proses undang-undang yang lain berkenaan dengan perbuatan dan perkara yang dilakukan atas sifat rasminya sebagai ketua pegawai eksekutif.

JADUAL 3

[Perenggan 7(1)(c)]

BAHAGIAN I

KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN WAKIL KEPADA ANGGOTA LEMBAGA PENGELOLA DAN ORANG YANG DITAULIAHKAN KEPADA, ATAU YANG MENGHADIRI PERSIDANGAN ATAU MESYUARAT YANG DIADAKAN OLEH, PERBADANAN SEBAGAI WAKIL KEPADA ANGGOTA PERHIMPUNAN AGUNG

1. Kekebalan daripada penangkapan atau penahanan diri.
2. Kekebalan daripada guaman dan daripada proses undang-undang yang lain berkenaan dengan perbuatan dan perkara yang dilakukan atas sifat rasminya sebagai anggota atau wakil, mengikut mana-mana yang berkenaan.
3. Ketidakbolehcabulan dokumen.
4. Ketiadaan penapisan terhadap komunikasi rasmi.
5. Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan kawalan pertukaran mata wang, pengecualian daripada sekatan mata wang dan pertukaran.

BAHAGIAN II

KEKEBALAN BEKAS WAKIL KEPADA ANGGOTA LEMBAGA PENGELOLA DAN ORANG YANG DITAULIAHKAN KEPADA, ATAU YANG MENGHADIRI PERSIDANGAN ATAU MESYUARAT YANG DIADAKAN OLEH, PERBADANAN SEBAGAI WAKIL KEPADA ANGGOTA PERHIMPUNAN AGUNG

Kekebalan daripada guaman dan daripada proses undang-undang yang lain berkenaan dengan perbuatan dan perkara yang dilakukan atas sifat rasminya sebagai anggota atau wakil, mengikut mana-mana yang berkenaan.

JADUAL 4

[Perenggan 7(1)(d)]

BAHAGIAN I

KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN ORANG YANG BERKHIDMAT DALAM JAWATANKUASA PERBADANAN

1. Kekebalan daripada penangkapan atau penahanan diri.
2. Kekebalan daripada guaman dan daripada proses undang-undang yang lain berkenaan dengan perbuatan dan perkara yang dilakukan semasa berkhidmat dalam jawatankuasa.
3. Ketidakbolehcabulan dokumen.

4. Ketiadaan penapisan terhadap komunikasi rasmi.
5. Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan pertukaran mata wang, pengecualian daripada sekatan mata wang dan pertukaran.
6. Pengecualian daripada cukai pendapatan atas gaji, emolumen, fi dan bonus rasmi yang diterima kerana berkhidmat dalam jawatankuasa.

## BAHAGIAN II

### KEKEBALAN ORANG YANG TIDAK LAGI BERKHIDMAT DALAM JAWATANKUASA PERBADANAN

Kekebalan daripada guaman dan daripada proses undang-undang yang lain berkenaan dengan perbuatan dan perkara yang dilakukan atas sifat rasminya sebagai orang yang berkhidmat dalam jawatankuasa.

#### JADUAL 5

[Perenggan 7(1)(e)]

## BAHAGIAN I

### KEISTIMEWAAN DAN KEKEBALAN PEGAWAI PERBADANAN

1. Kekebalan daripada guaman dan daripada proses undang-undang yang lain berkenaan dengan perbuatan dan perkara yang dilakukan atas sifat rasminya.
2. Pengecualian daripada cukai pendapatan atas gaji, emolumen rasmi, fi dan bonus rasmi.
3. Pengecualian daripada (termasuk pengecualian suami atau isteri dan anak-anak di bawah umur dua puluh satu tahun) pemakaian undang-undang yang berhubungan dengan imigresen dan pendaftaran orang asing.
4. Pengecualian daripada obligasi untuk melaksanakan perkhidmatan negara.
5. Tertakluk kepada mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan kawalan pertukaran mata wang, pengecualian daripada sekatan mata wang dan pertukaran.
6. Kemudahan-kemudahan repatriasi (termasuk kemudahan repatriasi bagi suami atau isteri dan mana-mana saudara tanggungan) semasa berlaku krisis antarabangsa.
7. Hak untuk mengimport perabot dan barang-barang peribadi, termasuk satu kenderaan motor, tanpa dikenakan duti dan cukai semasa mula-mula menjawat sesuatu jawatan di Malaysia dan untuk mengeksport perabot dan barang-barang peribadi tanpa dikenakan duti dan cukai semasa meninggalkan Malaysia apabila tamat fungsinya.

BAHAGIAN II

KEKEBALAN BEKAS PEGAWAI PERBADANAN

Kekebalan daripada guaman dan daripada proses undang-undang yang lain berkenaan dengan perbuatan dan perkara yang dilakukan atas sifat rasminya sebagai pegawai.

JADUAL 6

[Perenggan 7(1)(f) dan (g)]

BAHAGIAN I

KEISTIMEWAAN SUATU SUBSIDIARI, SUATU SYARIKAT TUJUAN KHAS, SUATU AMANAH ATAU DANA PERBADANAN, ATAU MANA-MANA ORANG LAIN BERHUBUNG DENGAN SEKURITI ISLAM YANG DITERBITKAN ATAU DIJAMINKAN OLEH PERBADANAN, SUATU SUBSIDIARI, SUATU SYARIKAT TUJUAN KHAS ATAU SUATU AMANAH ATAU DANA PERBADANAN

1. Pengecualian daripada duti setem yang secara lazimnya kena dibayar oleh suatu subsidiari, suatu syarikat tujuan khas, suatu amanah atau dana Perbadanan, atau mana-mana orang lain yang berhubung dengan sekuriti Islam yang diterbitkan atau dijamin oleh Perbadanan, suatu subsidiari, suatu syarikat tujuan khas atau suatu amanah atau dana Perbadanan.
2. Pengecualian daripada semua cukai—
  - (i) untuk apa-apa modal, keuntungan, rizab atau pendapatan, sama ada diagihkan atau tidak, yang diisytiharkan oleh suatu subsidiari, suatu syarikat tujuan khas atau suatu amanah atau dana Perbadanan;
  - (ii) untuk apa-apa kupon atau diskaun, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam bentuk kadar keuntungan, pendapatan, bayaran sewa atau apa jua nama yang dipanggil, yang diagihkan, dibayar atau dikreditkan kepada mana-mana orang berkenaan dengan mana-mana sekuriti Islam yang diterbitkan oleh suatu subsidiari, suatu syarikat tujuan khas atau suatu amanah atau dana Perbadanan; dan
  - (iii) untuk apa-apa urusan niaga berhubung dengan penjualan, pembelian, pindah milik atau penyusunan atau pemerolehan lain harta alih atau tak alih yang dikehendaki menurut skim pembiayaan yang diluluskan oleh Lembaga Shariah Perbadanan mengikut prinsip Shariah bagi tujuan penerbitan sekuriti Islam oleh suatu subsidiari, suatu syarikat tujuan khas atau suatu amanah atau dana Perbadanan.

BAHAGIAN II

KEISTIMEWAAN PEGAWAI SUATU SUBSIDIARI, SUATU SYARIKAT TUJUAN KHAS, ATAU SUATU AMANAH ATAU DANA PERBADANAN

Pengecualian daripada cukai pendapatan atas gaji, emolumen, fi dan bonus rasmi.

## HURAIAN

Rang Undang-Undang Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa 2010 (“Rang Undang-Undang ini”) bertujuan untuk membolehkan Bank Negara Malaysia menjadi anggota Perbadanan Pengurusan Likuiditi Islam Antarabangsa dan untuk memberikan kuat kuasa kepada perjanjian yang menubuhkan Perbadanan tersebut. Tujuan Rang Undang-Undang ini adalah untuk membenarkan Malaysia menjalankan obligasinya dalam melaksanakan peranannya sebagai negara tuan rumah bagi Perbadanan serta juga untuk membolehkan pemberian kuasa, keistimewaan dan kekebalan tertentu kepada Perbadanan dan suatu subsidiari yang ditubuhkan olehnya.

2. *Fasal 1* mengandungi tajuk ringkas dan peruntukan tentang permulaan kuat kuasa Akta yang dicadangkan.
3. *Fasal 2* mengandungi takrif perkataan dan istilah yang digunakan dalam Akta yang dicadangkan.
4. *Fasal 3* mengadakan peruntukan bagi pemberian taraf suatu organisasi antarabangsa kepada Perbadanan yang hendaklah ditadbir oleh Perkara Perjanjiannya.
5. *Fasal 4* memberikan keperibadian juridikal dan keupayaan di sisi undang-undang kepada Perbadanan untuk membolehkannya menjalankan kuasanya dan pelaksanaan fungsinya yang perlu mengikut Perkara Perjanjian.
6. *Fasal 5* mengandungi peruntukan yang memberi Bank kuasa untuk menjadi anggota Perbadanan dan untuk menandatangani Perkara Perjanjian dan untuk memberi Bank kuasa, dan hak untuk melaksanakan fungsi dan kewajipan yang dinyatakan dalam Perkara Perjanjian.
7. *Fasal 6* bertujuan untuk memberi Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggung jawab bagi hal ehwal luar negeri kuasa untuk memberikan taraf organisasi antarabangsa dan keperibadian juridikal ke atas suatu subsidiari Perbadanan.
8. *Fasal 7* bertujuan untuk memberi Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggung jawab bagi hal ehwal luar negeri kuasa untuk memberikan kesemua atau mana-mana keistimewaan dan kekebalan kepada Perbadanan dan orang yang berkaitan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual.
9. *Fasal 8* memperuntukkan hal keadaan di mana kekebalan tidak boleh diberikan.
10. *Fasal 9* bertujuan untuk mengadakan peruntukan bagi kebenaran kepada Perbadanan untuk memegang tanah di Persekutuan.
11. *Fasal 10* memperuntukkan kewajipan untuk mengetepikan kepada Perbadanan dalam hal di mana keistimewaan dan kekebalan yang diberikan boleh menghalang pentadbiran keadilan.

Jadual 1 menyatakan keistimewaan dan kekebalan yang boleh diberikan kepada Perbadanan atau suatu subsidiari yang ditubuhkan olehnya.

Jadual 2 menyatakan keistimewaan dan kekebalan yang boleh diberikan kepada ketua pegawai eksekutif Perbadanan.

Jadual 3 menyatakan keistimewaan dan kekebalan yang boleh diberikan kepada wakil kepada anggota Lembaga Pengelola dan orang yang ditauliahkan kepada, atau yang menghadiri persidangan atau mesyuarat yang diadakan oleh, Perbadanan sebagai wakil kepada anggota Perhimpunan Agung.

Jadual 4 menyatakan keistimewaan dan kekebalan yang boleh diberikan kepada orang yang berkhidmat dalam jawatankuasa Perbadanan.

Jadual 5 menyatakan keistimewaan dan kekebalan yang boleh diberikan kepada pegawai Perbadanan.

Jadual 6 Bahagian I menyatakan keistimewaan yang boleh diberikan kepada suatu subsidiari, suatu syarikat tujuan khas, suatu amanah atau dana Perbadanan, atau mana-mana orang lain berhubung dengan sekuriti Islam yang diterbitkan atau dijamin oleh Perbadanan, suatu subsidiari, suatu syarikat tujuan khas atau suatu amanah atau dana Perbadanan.

Jadual 6 Bahagian II menyatakan keistimewaan yang boleh diberikan kepada pegawai suatu subsidiari, suatu syarikat tujuan khas atau suatu amanah atau dana Perbadanan.

#### *IMPLIKASI KEWANGAN*

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN(U<sup>2</sup>)2761]